

Bersama meriahkan Hari Kebangsaan 2022

Oleh **AMREE AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Selepas dua tahun majlis sambutan Hari Kebangsaan terpaksa dilupakan akibat pandemik Covid-19, tahun ini seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang dialu-alukan untuk bersama-sama menyemarakkan Hari Kebangsaan 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi memeriahkan lagi ketibaan Bulan Kebangsaan, rakyat juga diminta menghiasi semua premis dengan Jalur Gemilang.

“Selain itu, cara lain bagi membuktikan perasaan tersebut ialah dengan mengamalkan nilai-nilai murni,” kata beliau ketika berucap merasmikan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama-sama lebih 15,000 peserta berjalan santai bergerak dari Dataran Putra menuju Dataran Putrajaya sebelum melancarkan Konvoi Kembara Keluarga Malaysia.

Turut serta mengiringi Ismail Sabri Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambu-



ISMAIL Sabri Yaakob bersama rakyat melancarkan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 di Dataran Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

tan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022.

Perbarisan Hari Kebangsaan 2022 akan berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos manakala Hari Malaysia 2022 di Bandar Mela-

ka pada 16 September.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, beliau bersyukur dan gembira melihat sambutan rakyat yang hadir bersama-sama memeriahkan pelancaran program berkenaan.

“Sejajar tema ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’, semangat ini harus disemarakkan dan dihayati segenap lapisan masyarakat dalam kita mendepani cabaran semasa global,” kata beliau.